

24/05/2003

Amcham puji longgar syarat FIC

DEWAN Perdagangan Amerika Malaysia (Amcham) yakin langkah kerajaan melonggarkan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) akan menjadikan Malaysia antara lokasi pelaburan paling menarik di Asia.

Presiden Amcham, Tim Garland, menyifatkan Pakej Strategi Baru itu lengkap dan mencakupi pelbagai bidang serta mampu mengubah persepsi negatif pelabur asing terhadap Malaysia untuk menanam modal di sini.

"Pelonggaran garis panduan FIC itu penting kepada pelabur kerana ia akan

mengubah persepsi mereka untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi pelaburan pilihan," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Amcham ditubuhkan pada 14 Januari 1978 sebagai badan yang mewakili kepentingan pelabur Amerika Syarikat di Malaysia.

Ia kini mempunyai jumlah pelaburan sebanyak RM83.7 bilion dan berdasarkan satu kaji selidik November lalu, pelaburan anggota dewan itu menghasilkan perolehan RM91.6 bilion dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 105,405 pekerja di negara ini.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa membentangkan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion, turut mengumumkan

kelonggaran garis panduan FIC supaya lebih mesra pelabur, selaras matlamat

menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) masuk ke Malaysia.

Garland berkata, pakej yang diperkenalkan itu benar-benar cuba menangani

'masalah dari puncanya' dan merangkumi isu yang pernah ditimbulkan Amcham

pada dialog Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, pakej itu dilaksanakan tepat pada masanya iaitu ketika berlaku wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), yang memberi kesan negatif terhadap penggunaan dalam negara dan keyakinan pelabur.

"Pakej itu benar-benar menangani isu jangka pendek perniagaan seperti kadar faedah, keyakinan peniaga dan pengguna yang terjejas, pasaran hartanah yang lembap, isu kesihatan serta kebersihan," katanya.